



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERSEPSI ANTARA ETNIK DAN IMPAKNYA TERHADAP  
HUBUNGAN ETNIK DALAM KALANGAN BELIA MELAYU  
DAN CINA DI SEMENANJUNG MALAYSIA***

***HARMIZA MAULA MOKHATAR***

**FEM 2015 43**



**PERSEPSI ANTARA ETNIK DAN IMPAKNYA TERHADAP  
HUBUNGAN ETNIK DALAM KALANGAN BELIA MELAYU DAN CINA  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**HARMIZA MAULA MOKHATAR**

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
**Ijazah Master Sains**

**September 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERSEPSI ANTARA ETNIK DAN IMPAKNYA TERHADAP HUBUNGAN  
ETNIK DALAM KALANGAN BELIA MELAYU DAN CINA DI SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

Oleh

**HARMIZA MAULA MOKHATAR**

**September 2015**

Pengerusi : Lee Yok Fee, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Malaysia telah mencapai kemerdekaan lebih dari 58 tahun tetapi adakah stereotaip tentang sesuatu etnik yang terbentuk telah dapat disisihkan atau dibuktikan masih menjadi persoalan yang belum terjawab. Pada masyarakat Melayu, persoalannya adakah orang Cina masih dilabelkan sebagai ahli perniagaan, pemilik kedai atau penjaga kedai? Adakah golongan profesional India masih digambarkan sebagai peguam yang berkarisma, celik IT atau pengurup wang? Kepercayaan tetap atau stereotaip yang positif akan meningkatkan hubungan dan komunikasi yang lebih sihat antara etnik yang berbeza. Sebaliknya pula bagi stereotaip yang negatif, ia akan mencetuskan ketidakhirauan serta permusuhan. Sejak mencapai kemerdekaan, sebagai negara membangun yang masih muda, Malaysia berusaha untuk mencapai keharmonian dalam kalangan etnik. Namun, Malaysia tetap menghadapi halangan-halangan yang telah timbul seperti rusuhan kaum yang pernah tercetus, iaitu peristiwa 13 Mei dan insiden Kampung Medan 2001. Salah satu cabaran pada ketika itu adalah bagaimana untuk mengelakkan identifikasi rakyat Malaysia berdasarkan etnik. Pemahaman yang mendalam terhadap persepsi antara etnik adalah amat penting untuk kestabilan politik dan integrasi sosial dalam negara. Kajian yang dijalankan ini melihat sejauh mana darjah persepsi antara etnik di Malaysia secara amnya. Dengan melihat tahap persepsi tersebut, dapat dianggarkan sejauh mana hubungan sosial antara etnik Melayu dan Cina terutamanya dalam kalangan belia. Kajian ini juga ingin meneliti apakah faktor yang mempengaruhi pembentukan sesuatu persepsi dalam sesebuah etnik. Pembentukan sesuatu persepsi kadangkala disebabkan perasaan tidak puas hati dan akhirnya mencetuskan perbalahan. Pembentukan sesuatu persepsi juga boleh berubah dari sesuatu yang negatif kepada sesuatu yang positif apabila terdapat pengalaman atau peristiwa yang menggembirakan. Melalui kajian ini, kesan daripada persepsi terhadap kumpulan etnik yang dapat diketahui dan pelbagai langkah boleh dibentuk bagi menyedarkan masyarakat akan stigma yang mereka berikan boleh membuat individu lain tersinggung. Kajian ini

berbentuk kajian tinjauan, iaitu dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian tinjauan mampu memperoleh maklumat atau data daripada sampel yang dipilih daripada populasi dengan menggunakan soalan berstruktur. Seramai 461 responden terlibat iaitu 231 orang adalah terdiri daripada belia Melayu manakala 230 terdiri daripada belia Cina. Hasil kajian memperlihatkan majoriti responden Melayu dan responden Cina di ketiga-tiga lokasi kajian memberikan pola respon yang sama. Walaupun wujud persepsi yang negatif, ia tidak memberi impak negatif ke atas kepercayaan dan pergaulan sehari-hari. Secara amnya, belia Melayu dan Cina di ketiga-tiga kawasan setuju dengan pernyataan bahawa stereotaip tidak memberi kesan ke atas hubungan dengan etnik berlainan. Walau bagaimanapun, responden berpandangan mereka tetap perlu berhati-hati apabila berurusan dengan etnik berlainan. Hasil dapatan kajian mendapati hanya belia Cina di Kuala Terengganu memandang tinggi etnik lain dan boleh bekerjasama dengan mereka berbanding belia Cina di Kota Bharu dan Kuala Lumpur. Ini mungkin disebabkan oleh populasi etnik Cina yang lebih kecil berbanding di Kelantan dan Kuala Lumpur. Justeru, mereka lebih rapat dan bergaul dengan etnik Melayu. Berbeza dengan responden Melayu, hanya responden Melayu di Kota Bharu yang memandang tinggi etnik lain. Kesemua responden Melayu berasa lebuh selesa bergaul dalam kelompok etnik yang sama. Ini menunjukkan bahawa mereka masih tidak dapat keluar dari zon selesa masing-masing.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

**INTER-ETHNIC PERCEPTIONS AND ITS IMPACT ON MALAY AND CHINESE YOUTH TOWARDS ETHNIC RELATIONS IN PENINSULAR MALAYSIA**

By

**HARMIZA MAULA MOKHATAR**

**September 2015**

**Chairman : Lee Yok Fee, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Malaysia has achieved its independence for more than 58 years and whether the inter-ethnic stereotyping is still exist or has disappeared is still yet to be answered. To the Malays, are the Chinese still been labelled as businessman, shop owner or shop keeper? Are the professional Indians been seen as charismatic lawyer, IT specialist or money changer? Fixed beliefs of positive stereotype may enhance relationship and healthier communication among different ethnic groups. As for negative stereotyping, it may cause ignorance and rivalry. Since its independence, Malaysia as a young developing country, always strives to achieve a harmonic relationship among its different ethnic groups. Moreover, obstacles and incidences such as the 13 May in 1969 and Kampung Medan incident in 2009 indicate that unity and good ethnic relations remain as a challenge to Malaysia. One of the aspects is how to avoid citizen's identification based on ethnicity. Deep understanding on this issue of inter-ethnic perception will be helpful in ensuring political stability and social integration in the country. This study was conducted to observe the level of inter-ethnic perception in Malaysia generally. From there, the study also determined how inter-ethnic perception affects the relationship between the Malay and Chinese youth. The study further observed the factors that determined the formation of inter-ethnic perceptions that developed in an ethnic group. The perception might be developed due to dissatisfaction toward other ethnic groups and then triggered arguments. Yet in another way round, the nature of a perception could also be changed from negative to positive when good and sweet experience or events happened in the inter-ethnic relations. Based on this study, effects of perception towards other ethnic groups were identified and possible actions could be developed to create awareness among the society such that they might realize that the stigma they possess make others offended. Survey method was used in this research. Data were collected

using structured questionnaire in Kuala Lumpur, Kota Bharu and Kuala Terengganu. There are 461 respondents selected as samples for this study, whereby 231 are Malay youth and 230 are Chinese youth. The study shows that majority of Malay and Chinese respondents in the three locations shows the same pattern of response. Although there are negative perceptions among the respondents, but these negative perceptions did not cause negative impacts to their beliefs and everyday interaction with other ethnic groups. Generally, Malay and Chinese youth agreed that stereotype does not give impact to ethnic relations. Though, respondents still believed that they would have to be carefully in dealing with other ethnic groups. This study also shows that among the Chinese youth in Kuala Terengganu, Kota Bharu and Kuala Lumpur, only the Chinese youth in Kuala Terengganu look high on other ethnic groups and give cooperation to them. This is possibly caused by the Chinese population in Kuala Terengganu is much smaller than in Kota Bharu and Kuala Lumpur. Therefore, they are closer to the Malays and like to mix around with them. As for the Malays, majority in Kota Bharu look high on other ethnic groups. All the respondents show that they are much comfortable to mix around with their own ethnic group. This shows that they still cannot exit from their ethnic comfort zone.

## PENGHARGAAN

**Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dengan izin-Nya saya bersyukur kerana diberikan keupayaan, semangat, dan kesabaran untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya kajian ini memberi pelbagai pengalaman berharga dan begitu bermakna setelah menempuh pelbagai cabaran sepanjang menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada penyelia tesis iaitu Dr. Lee Yok Fee dan Prof. Madya Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh yang banyak memberi kritikan membina, panduan dan semangat dalam menjalankan dan menyiapkan kajian ilmiah dan juga kepada semua tenaga pengajar di Fakulti Ekologi Manusia di atas segala curahan ilmu, nasihat dan tunjuk ajar.

Penghargaan yang tidak terhingga turut dirakamkan kepada ayahanda dan bonda tersayang Allahyarham Mokhatar bin Ahmad dan Puan Fawziah binti Othman kerana sentiasa memberikan dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus supaya saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada suami tercinta, Encik Helmy bin Sahat. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang dahulunya bersama-sama sebagai pembantu penyelidik terutamanya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, En. Roslan bin Rosnon, Pn. Azhani Tohar, dan lain-lain yang bersama-sama membantu dalam menjayakan kajian ini.

Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu terutama dalam bidang hubungan etnik khususnya.

Sekian, terima kasih.

Harmiza Maula Mokhatar  
September 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Lee Yok Fee, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Harmiza Maula Mokhatar (GS20392)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Lee Yok Fee

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah dan Persoalan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Kerangka Konseptual	6
1.6 Definisi Istilah	8
1.7 Limitasi Kajian	9
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Etnik dan Bangsa	10
2.3 Stereotaip	11
2.4 Wacana dalam Teori berkaitan Stereotaip	13
2.5 Pembentukan Persepsi	16
2.6 Hubungan Etnik Sebelum Kemerdekaan	19
2.7 Hubungan Etnik Selepas Kemerdekaan	24
2.8 Corak Hubungan Etnik	25
2.9 Impak Persepsi ke atas Hubungan Etnik	26
3.0 Kesimpulan	27
<b>3 KAEADAH PENYELIDIKAN</b>	
3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Lokasi, Populasi dan Persampelan	28
3.3.1 Pemilihan Lokasi Kajian	28
3.3.2 Populasi	29
3.3.3 Sampel	30
3.3.4 Saiz Sampel	30
3.4 Pembentukan Instrumen dan Soalan Kajian	31
3.5 Ujian Rintis	33
3.6 Pengumpulan Data	35
3.7 Analisis Data	35

<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Latar Belakang Responden	36
4.3	Persepsi Antara Etnik	43
4.3.1	Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Agama dan Adat	44
4.3.2	Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Ekonomi dan Kelas	49
4.3.3	Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Fizikal dan Gelaran Sosial	53
4.3.4	Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Personaliti	59
4.3.5	Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Agama dan Adat	66
4.3.6	Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Ekonomi dan Kelas	69
4.3.7	Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Fizikal dan Gelaran Sosial	73
4.3.8	Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Personaliti	76
4.4	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Persepsi	82
4.4.1	Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persepsi di kalangan Etnik Melayu	82
4.4.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persepsi di kalangan Etnik Cina	107
4.4.3	Kesimpulan Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persepsi	129
4.5	Impak Persepsi Terhadap Hubungan Etnik	131
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	142
5.2	Kesimpulan Kajian	142
5.3	Implikasi Kajian	145
5.4	Cadangan	146
<b>RUJUKAN</b>		147
<b>LAMPIRAN</b>		151
<b>BIODATA PELAJAR</b>		172

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Kebolehpercayaan Persepsi Melayu terhadap Cina dalam Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	34
2 Kebolehpercayaan Persepsi Cina terhadap Melayu dalam Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	34
3 Kebolehpercayaan Faktor-faktor Mempengaruhi Pembentukan Persepsi dalam Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	34
4 Kebolehpercayaan Impak Persepsi terhadap Hubungan Etnik dalam Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	34
5 Umur Responden	37
6 Jantina Responden	37
7 Agama Responden	38
8 Status Perkahwinan Responden	39
9 Kelulusan Tertinggi Responden	40
10 Aliran Pendidikan (peringkat tertinggi) Responden	41
11 Aliran Sekolah Rendah Responden	42
12 Aliran Sekolah Menengah Responden	42
13 Status Pekerjaan Responden	43
14 Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Agama dan Adat	46
15 Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Ekonomi dan Kelas	50
16 Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Fizikal dan Gelaran Sosial	54
17 Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Melayu dalam Aspek Personaliti	60
18 Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Agama dan Adat	67
19 Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Ekonomi dan Kelas	70
20 Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Fizikal dan Gelaran Sosial	75
21 Persepsi Etnik Melayu terhadap Etnik Cina dalam Aspek Personaliti	77
22 Faktor Peristiwa dan Pengalaman yang Mempengaruhi Etnik Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	86
23 Faktor Sosialisasi yang Mempengaruhi Etnik Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	93
24 Faktor Media Massa yang Mempengaruhi Etnik Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	98

25	Faktor Agama yang Mempengaruhi Etnik Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	102
26	Faktor Pola Interaksi yang Mempengaruhi Etnik Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	105
27	Faktor Peristiwa dan Pengalaman yang Mempengaruhi Etnik Cina di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	110
28	Faktor Sosialisasi yang Mempengaruhi Etnik Cina di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	115
29	Faktor Media Massa yang Mempengaruhi Etnik Cina di Kota Bharu	119
30	Faktor Agama yang Mempengaruhi Etnik Cina di Kota Bharu	122
31	Faktor Pola Interaksi yang Mempengaruhi Etnik Cina di Kota Bharu	126
32	Impak Persepsi terhadap Hubungan Etnik di Kalangan Melayu di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	133
33	Impak Persepsi terhadap Hubungan Etnik di Kalangan Cina di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur	137


## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah**

- |   |  |
|---|--|
| 1 | Kerangka Konseptual                          |
| 2 | Model Pembentukan Subjektiviti Pelaku Sosial |

### **Muka Surat**

- |    |
|----|
| 7  |
| 16 |



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kaya dengan adat serta budaya yang pelbagai. Melayu, Cina dan India merupakan tiga kumpulan etnik utama di Malaysia yang hidup bersama serta saling menjaga keharmonian negara.

Perhubungan antara etnik bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pedagang-pedagang asing dari Arab, Cina dan India bukan sahaja menjalankan urus niaga tetapi mereka juga menyebarkan agama dan dakwah. Kewujudan Hinduisme di bumi Malaysia adalah sejak abad ke-2 manakala kedatangan Islam ke Tanah Melayu pula telah dibuktikan seawal abad ke-11 Masihi (Andaya, 2001).

Kemasukan masyarakat Cina dan India secara besar-besaran adalah pada awal abad ke-20 terutamanya pada zaman penjajahan British. Masyarakat Cina berhijrah ke Tanah Melayu secara besar-besaran untuk bekerja di lombong bijih timah dan ladang lada hitam. Faktor sosial dan ekonomi yang tidak stabil serta kekacauan politik di Selatan China merupakan faktor utama penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Pada awalnya, kemasukan Orang India ke Tanah Melayu adalah sebagai pedagang. Namun, kemasukan masyarakat India secara besar-besaran pula adalah kerana perkembangan perusahaan getah yang telah meningkatkan keperluan tenaga buruh yang murah dan ramai. Perkembangan perusahaan getah dan galakan daripada kerajaan British menarik minat mereka untuk berhijrah (Andaya, 2001).

Dalam usaha Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, penggunaan sistem pecah dan perintah oleh British telah membentuk Malaysia menjadi masyarakat yang pelbagai agama dan etnik. Kemasukan Orang Cina dan India ke Tanah Melayu pada ketika itu oleh British sememangnya mengukuhkan dan menyokong kepada sistem tersebut.

Walaupun terdiri dari pelbagai kumpulan etnik yang berbeza latar belakang, masyarakat Malaysia masih boleh tinggal bersama, berinteraksi, saling mempengaruhi dan berintegrasi. Di samping itu, di antara mereka telah wujud stereotaip ataupun kepercayaan tetap (*formal belief*). Sebagai contoh, Frank Swettenham pernah menulis dan menyatakan British menggambarkan Melayu

sebagai pemalas, tidak produktif, kurang kesanggupan untuk bekerja mendapatkan upah, yang mana menyebabkan sukar bagi mereka diambil sebagai kumpulan buruh yang berpotensi pada zaman ekonomi kolonial (Andaya, 2001).

Hidup bermasyarakat yang mempunyai kumpulan etnik yang berbeza menimbulkan pandangan, persepsi atau stereotaip sesebuah kumpulan etnik terhadap kumpulan etnik yang lain. Pada amnya, stereotaip merupakan perkongsian kepercayaan yang merujuk kepada seseorang, kebiasaananya berkisarkan ciri-ciri personaliti dan tingkah laku sekumpulan manusia. Anderson dan Sedikides berpendapat bahawa stereotaip yang dibentuk ke atas sesebuah kumpulan selalunya merangkumi komponen yang disukai serta yang tidak disukai (Jacques-Philippe, Vincent dan Georges, 1994).

Malaysia telah lama merdeka tetapi adakah stereotaip yang terbentuk telah dapat disisihkan atau dibuktikan masih menjadi persoalan yang belum terjawab. Pada masyarakat Melayu, persoalannya adakah orang Cina masih dilabelkan sebagai ahli perniagaan, pemilik kedai atau penjaga kedai? Adakah golongan profesional India masih digambarkan sebagai peguam yang berkarisma, celik IT atau pengurup wang? Hanya sebilangan kepercayaan tetap atau stereotaip yang mengarah kepada peningkatan hubungan dan komunikasi apabila digunakan secara positif. Sebaliknya pula ia akan mencetuskan ketidakhirauan serta permusuhan. Menurut Andaya (2001), persepsi stereotaip menjurus kepada hubungan, komunikasi dan interaksi budaya yang lemah dalam kumpulan yang berbeza.

Sejak mencapai kemerdekaan, sebagai negara membangun yang masih muda, Malaysia berusaha untuk mencapai keharmonian dalam kalangan etnik. Namun, Malaysia tetap menghadapi halangan-halangan yang telah timbul seperti rusuhan kaum yang pernah tercetus, iaitu peristiwa 13 Mei 1969 dan insiden Kampung Medan 2001. Salah satu cabaran pada ketika itu adalah bagaimana untuk mengelakkan identifikasi rakyat Malaysia berdasarkan etnik. Masa kini, kerajaan dan swasta sering kali dilihat mengenal pasti perilaku seseorang berdasarkan latar belakang etnik secara umum. Hal ini merujuk kepada hasil kajian Syed Hussin Alatas (1977) yang memeriksa imej stereotaip di kalangan masyarakat Melayu asli, Abraham (1997) yang mengkaji impak sistem pecah dan perintah terhadap hubungan etnik dan Shamsul A.B. (2004) yang mengaitkan ilmu kolonial dengan ciri-ciri kumpulan etnik yang berbeza.

Pemahaman yang mendalam terhadap perkara ini akan meningkatkan pengetahuan dalam persepsi antara etnik dan menggalakkan kestabilan politik dan integrasi sosial dalam negara.

## **1.2 Kenyataan Masalah dan Persoalan Kajian**

Malaysia telah mencapai kemerdekaannya lebih daripada 58 tahun tetapi corak pemikiran dalam setiap diri masyarakat masih belum berubah sepenuhnya dan masih berada di takuk lama. Justeru, pembinaan negara bangsa dalam membentuk dan mencorak sesebuah negara adalah amat penting demi tujuan perpaduan masyarakat Malaysia. Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003), negara bangsa adalah terdiri dari komponen negara, individu dan bangsa. Antara syarat-syarat bagi negara bangsa adalah masyarakat tidak dibezakan atas dasar perkauman atau perbezaan kepercayaan, bahasa, kebudayaan, jenis pekerjaan, penempatan atau lain-lain yang boleh menjurus kepada kepada perpecahan; berkongsi ideologi yang sama; dan mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara.

Dalam sejarah pembinaan bangsa negara Malaysia, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah memberi kenyataan yang menyentuh mengenai pembinaan bangsa Malaysia di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991 (Cheah Boon Kheng, 2002). Dalam ucapan tersebut, beliau menegaskan cabaran utama dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju mengikut 'acuan sendiri' menjelang tahun 2020 ialah pembinaan "Bangsa Malaysia" yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan menumpukan taat setia dan pengabadian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Sehubungan itu, dalam menjayakan pembinaan negara bangsa, antara satu aspek penting yang perlu diteliti adalah termasuk persepsi antara masyarakat berbilang etnik kerana tanpa kepercayaan antara satu sama lain dan taat setia yang sama kepada negara, negara bangsa tidak mungkin akan tercapai.

Menyedari akan keunikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai pelbagai kumpulan masyarakat, kerajaan telah mewujudkan beberapa dasar, pendekatan atau program bagi mewujudkan perpaduan dan mengelak perpecahan. Antara inisiatif kerajaan yang lain adalah melalui Pelan Integrasi Nasional (PIN) yang bertujuan untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan setiap lapisan masyarakat. Pelan ini mempunyai lima objektif khusus dan antaranya salah satu daripadanya menekan kepada memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika.

Namun, usaha kerajaan dalam pembinaan bangsa negara sentiasa mengalami cabaran. Di Malaysia, peristiwa yang paling terkesan ke atas etnik Melayu dan etnik Cina sehingga kini adalah Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut dikatakan tercetus berikutan daripada perarakan kemenangan parti

pembangkang yang mana penyokong-penyokong Parti Gerakan telah menghina Melayu ketika berarak sekitar Kuala Lumpur (Tunku Abdul Rahman, 2007). Selain itu, dalam peristiwa Operasi Lalang pada 1987, isu pendidikan sekolah Cina pada ketika itu telah ditimbulkan oleh pihak Persatuan Cina Malaysia (MCA). Isu kemudiaanya meleret hingga ke bahasa penghantar di universiti dan pemakaian tudung ketika majlis konvokesyen di universiti tempatan (Wan Hashim, 2011). Perkara sedemikian menonjolkan kedua-dua etnik Melayu dan Cina mempunyai persepsi ke atas satu sama lain yang boleh mengugat perpaduan antara mereka.

Begin juga dengan peristiwa Kampung Medan pada tahun 2011 yang bukan sahaja menggemparkan seluruh Malaysia tetapi mendapat liputan meluas di media antarabangsa. Pada ketika itu, masyarakat khuatir akan peristiwa seakan 13 Mei berulang kembali. Konflik pada ketika itu tercetus di antara etnik Melayu sedang mengadakan persiapan majlis perkahwinan dengan jiran etnik India yang mengadakan majlis kematian. Seterusnya, salah faham yang timbul diperbesarkan dan berjangkit sehingga ke kawasan sekitar.

Dari setiap peristiwa yang berlaku, dapat dilihat bahawa pada bila-bila masa, ketegangan etnik boleh tercetus walaupun telah banyak inisiatif dan program yang dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan keharmonian masyarakat. Salah satu punca kepada perkara ini adalah masyarakat memiliki persepsi yang tidak jelas antara etnik. Dalam kajian ini, persepsi yang akan dikaji akan melihat kepada stereotaip yang wujud dalam diri. Stereotaip merupakan unsur dalam diri yang paling mudah tercetus dan diperkuatkan apabila terjadinya peristiwa-peristiwa seperti yang dinyatakan di atas. Stereotaip wujud dalam kumpulan masyarakat lebih-lebih lagi apabila terdapat perbezaan sama ada dari segi warna kulit, agama maupun tahap pendidikan. Beberapa persepsi ataupun stereotaip yang biasa dibangkitkan oleh masyarakat Malaysia adalah dari segi polisi kerajaan dan kejayaan individu sering dibentuk dalam tema identiti etnik. Sebagai contoh, seseorang adalah ketua jabatan kerana dia Melayu, dan seseorang berada kerana berketurunan Cina kelas atasan dan sebagainya.

Interaksi sosial yang terbatas atau kurang memungkinkan setiap etnik mempunyai persepsi terhadap etnik lain. Salah faham yang timbul boleh mengeruhkan lagi hubungan di antara sesebuah kumpulan etnik dengan etnik lain. Hubungan boleh menjadi parah apabila satu masalah yang kecil diperbesarkan oleh mana-mana pihak sama ada ahli politik, media maupun kumpulan-kumpulan tertentu.

Walaupun masalah etnik di Malaysia tidak begitu ketara dan masih boleh dikawal, adalah perlu setiap persepsi terhadap individu lain adalah jujur serta positif dan bukan bersandarkan stereotaip. Pemahaman mengenai adat, budaya, kepercayaan dan kebiasaan etnik lain adalah perlu bagi mengelak kekeliruan dan tanggapan yang negatif. Justeru, persepsi antara etnik dalam konteks stereotaip adalah amat pending dalam mendukung hasrat kerajaan

untuk memperkuatkan perpaduan negara tanpa berlandaskan latar belakang masyarakat yang berbeza.

Kajian mengenai hubungan etnik di Malaysia yang mengkhusus kepada persepsi dari segi stereotaip adalah amat kurang. Oleh itu adalah penting kajian ini dijalankan secara khususnya untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1) Apakah persepsi antara etnik oleh belia Melayu dan Cina terhadap satu sama lain di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur?
- 2) Apakah faktor pembentukan persepsi antara belia etnik Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur?
- 3) Apakah impak persepsi antara etnik terhadap hubungan etnik di kalangan belia Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur?

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi di antara belia Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur. Terdapat andaian yang menyatakan bahawa persepsi antara etnik, terutamanya kepercayaan tetap dalam sesetengah kumpulan etnik adalah penentu dalam menggalakkan integrasi sosial atau menyebabkan kurangnya penyatuan sosial. Oleh yang demikian, kajian akan mendalami perkara ini dengan mengenal pasti faktor pembentukan persepsi antara etnik dan impaknya terhadap hubungan etnik.

Antara objektif yang lebih khusus adalah seperti berikut:

- 1) Menghuraikan persepsi antara etnik oleh belia Melayu dan Cina terhadap satu sama lain di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.
- 2) Menghuraikan faktor pembentukan persepsi antara belia etnik Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.
- 3) Mengkaji impak persepsi antara etnik terhadap hubungan etnik di kalangan belia Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini melihat sejauh mana darjah persepsi antara etnik di Malaysia secara amnya. Dengan melihat tahap persepsi tersebut, dapat dianggarkan sejauh mana hubungan sosial antara etnik Melayu dan Cina terutamanya di kalangan belia.

Kajian ini juga ingin meneliti bagaimana sesuatu persepsi terbentuk dalam sesebuah etnik. Pembentukan sesuatu persepsi kadangkala disebabkan perasaan tidak puas hati dan akhirnya mencetuskan perbalahan. Pembentukan sesuatu persepsi juga boleh berubah dari sesuatu yang negatif kepada sesuatu yang positif apabila terdapat pengalaman atau peristiwa yang menggembirakan.

Melalui kajian ini, kesan daripada persepsi terhadap kumpulan etnik yang dapat diketahui dan pelbagai langkah boleh dibentuk bagi menyedarkan masyarakat akan stigma yang mereka berikan boleh membuat individu lain tersinggung.

Hasil kajian adalah penting sebagai panduan untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Masyarakat boleh belajar bagaimana untuk meluahkan ekspresi kepada etnik lain dengan cara yang lebih baik. Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada bidang kajian persepsi antara etnik pada masa depan. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengurangkan masalah hubungan etnik dengan menyumbang pemahaman tentang formasi semantik atau maksud persepsi antara etnik di Malaysia.

Kajian juga boleh dijadikan input untuk menilai, melaksana, merangka program-program yang menggalakkan interaksi sihat antara masyarakat berbilang etnik supaya kefahaman dan perasaan saling hormat-menghormati diperkuuhkan di kalangan masyarakat.

## **1.5 Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual ini mengadaptasi model yang digunakan oleh Lee (2014) bagi mengkaji identiti Cina di Malaysia dalam aspek elemen dan pembentukan. Menurut beliau, sumber pengetahuan, konteks dan proses interaksi mempengaruhi identiti individu dalam menjalankan aktiviti harian. Sumber pengetahuan adalah termasuk melalui pengalaman, pembacaan dan sosialisasi. Konteks pula boleh merangkumi norma, nilai, institusi, kebudayaan, status dan peringkat kehidupan. Kajian tersebut mendapati responden hanya memilih isu atau masalah berkaitan dengan kehidupan apabila berbicara mengenai identiti mereka.

Manakala kajian ini mengenal pasti latar belakang responden, persepsi yang wujud antara etnik, faktor pembentukan persepsi antara etnik dan kesannya ke atas hubungan etnik di kalangan belia Melayu dan Cina Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.



**Rajah 1: Rangka Kerja Konseptual Kajian Persepsi antara Etnik dan Impaknya terhadap Hubungan Etnik dalam Kalangan Belia Melayu dan Cina di Semenanjung Malaysia**

Kajian ini mengkaji apakah faktor yang membentuk persepsi sama ada peristiwa dan pengalaman, sosialisasi, media massa, agama dan pola interaksi.

Persepsi di sini dilihat dari segi stereotaip iaitu kenyataan umum terhadap sesuatu kumpulan etnik, sama ada bentuk positif atau negatif. Aspek yang dilihat oleh pengkaji terbahagi kepada empat aspek iaitu segi agama dan adat; ekonomi dan kelas; personaliti; dan gelaran sosial.

Seterusnya, dengan kewujudan persepsi-persepsi tersebut, kajian turut mengenal pasti apakah impaknya terhadap hubungan etnik responden Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.

## **1.6 Definisi Istilah**

Bahagian ini akan menerangkan beberapa istilah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

### **1.6.1 Etnik**

Konseptual: Menurut Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006), konsep etnik berkaitan rapat dengan ras dan bangsa. Etnik adalah lebih berkaitan dengan amalan budaya yang hampir seragam yang diamalkan oleh sekelompok manusia. Manakala ras dan bangsa memberi penekanan kepada aspek fizikal dan biologi sesama manusia.

Menurut mereka lagi, pengertian konsep etnik dilihat dari segi dua dimensi iaitu dimensi subjektif dan dimensi objektif. Dimensi subjektif adalah berkaitan dengan kesedaran tentang kewujudan satu identiti etnik, perasaan kekitaan, dan kesedaran tentang kepentingan bersama. Manakala dimensi objektif adalah persamaan ciri-ciri kebudayaan seperti bahasa, kesenian, pakaian dan adat istiadat yang dikongsi bersama.

Operasional: Dalam kajian ini, etnik merujuk kepada belia di kalangan etnik Melayu dan Cina di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.

### **1.6.2 Persepsi dan Stereotaip**

Konseptual: Persepsi adalah tanggapan terhadap sesuatu keadaan, benda maupun manusia. Menurut Kirst-Ashman (2003), persepsi adalah idea awal berdasarkan warna kulit seseorang, gender, umur, etnik yang diwarisi maupun perawakan luaran.

Stereotaip dalam *The Social Science Encyclopedia* (1996), merujuk kepada industri percetakan yang mana ia merujuk kepada plat besi yang digunakan untuk mencetak imej yang berulang kali. Stereotaip merupakan apa yang diwakili dan dibentuk dalam pemikiran (Kuper & Kuper, 2004).

**Operasional:** Dalam kajian ini, persepsi yang dikaji adalah dari sudut agama dan adat; ekonomi dan kelas; fizikal dan gelaran sosial; dan personaliti dari sesebuah etnik terhadap etnik yang berlainan. Aspek dan item-item diperoleh melalui kajian kuantitatif, iaitu melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD).

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini terbatas di beberapa bandar di beberapa negeri sahaja. Oleh yang demikian, hasil kajian kemungkinan tidak dapat menggambarkan pembentukan persepsi antara sesebuah etnik apabila merujuk kepada etnik lain secara keseluruhan. Ketepatan hasil kajian bergantung pada sejauh mana kejujuran responden dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

## RUJUKAN

- Abraham,C. (1997). *Divide and Rule*. Kuala Lumpur: INSAN.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. (2001). *A History of Malaysia*. Hounds Mills: Palgrave.
- Ashmore, R.D., & Del Boca, F.K. (1981) Conceptual Approaches to Stereotypes and Stereotyping. Dalam D.L. Hamilton (pytg.) *Cognitive Process in Stereotyping and Intergroup Behaviour*. Hillsdale.NJ:Lawrence Erlbaum Associates.
- Blaikie, Norman W.H. (2000). *Designing Sosial Research: The Logic of Anticipation*. Cambridge: Polity Press.
- Bringham, J.C. (1971). Ethnic Stereotype. *Psychological Bulletin*, 76, 15-33
- Cheah, Boon Kheng (1985). *Evolusi Sebuah Negara Persekutuan Malaysia*. Dalam Zuraina Majid (Ed.) *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*. Ed.2. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Cheah, Boon Kheng (2002). *Malaysia: The Making of a Nation*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Chew, Hock Thye (1975). *Masalah Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chin, Yee Whah (2003). Views from the Chinese Business Community. Dalam Suresh Narayanan (pytg.). *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. XXI (1 & 2). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Clarke, P.B. & Linzey, A. (1996). *Dictionary of Ethics, Theology & Society*. London: Routledge.
- Colletta, N.J (1975). Malaysia's forgotten people: Education, Cultural Identity and socio-economic mobility among South Indian Plantation Workers. Pluralism in Malaysia: Myth and Reality. Dalam Nagata, J.A. & Brill, L.E.J. (pytg.). *A symposium on Singapore and Malaysia*. Vol 7. Netherlands.
- Cook, Mark. (1971). *Interpersonal Perception*. England: Penguin Books.
- Gilbert, G.M. (1951). Stereotype persistance and change among college students. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 46,245-254
- Jacques-Philippe, L., Vincent, Y. & Georges, S. (1994). *Stereotypes and Social Cognition*. London: SAGE Publications.

- Karlins, M., Coffman, T.L., & Walters, G. (1969). On the Fading of Social Stereotypes: Studies on Three Generations of College Students. *Journal of Personality and Social Psychology*, 13, 1–16.
- Katz, D., & Braly, K. (1933). Racial Stereotypes of One Hundred College Students. *Journal of Abnormal and Social Psychology*. 28, 280-290
- Kementerian Belia dan Sukan. Ciri-ciri Asas Penduduk Belia Tahun 2010 berdasarkan Data Banci 2010 yang disesuaikan dimuat turun dari <http://www.kbs.gov.my/dokumen2011/Penduduk%20Belia%20Malaysia.pdf> pada 5 Januari 2014.
- Khoo, Boo Teik (2004). *Managing Ethnic Relations in Post-Crisis Malaysia and Indonesia: Lesson from the New Economic Policy?* United Nations Research Institute for Social Development. Identities, Conflict and Cohesion Programme Paper number 6.
- Kirst-Ashman, K.K. (2003). *Introduction to Social Work and Social Welfare: Critical Thinking Perspectives*. Thomson:United States.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Kuper, A. & Kuper, J. (1996). *The Social Science Encyclopedia*. 3rd ed. London: Routledge.
- Laue, J. (1987). *The Emergence and Institutionalization of Third Party Roles in Conflict*. London: Frances Printer.
- Lee, Kam Hing (2005). The bumiputera policy: Chinese views and perspectives. Dalam Suresh Narayanan (pytg.). *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. XXI (1 & 2). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Lee, Yok Fee (2014). *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Leyens, Jacques-Philippe, Yzerbyt, V., & Schadron, G. (1994). *Stereotypes and Social Cognition*. London: Sage Publication.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Ma'ruf Redzuan (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ma'ruf Redzuan, Mohamad Shatar Sabran & Zahid Emby (2001). *SKP 2101: Unit 1-11/11: Pengantar Sosiologi dan Antropologi Sosial*. Serdang: Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL).

- Marger, Martin N. (1994). *Race and ethnic relations: American and global*. 3rd ed. California: International Thomson.
- Merdeka Center For Opinion Research (2006). *Ethnic Relations: Experience, Perception and Expectations*.
- Oong, Hak Ching (2000). *Chinese Politics in Malaya 1942 – 55: The Dynamics of British Policy*. Bangi: Penerbit UKM.
- Purcell, David (1997). *Orang-orang Cina di Tanah Melayu* (Terjemahan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sanusi Osman (1989). *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Sarbin, T.R., & Taft, R., & Bailey, D.E. (1960). *Clinical inference and cognitive theory*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Schneer, J. A. & Chanin, M. N. (1987). Manifest Need as Personality Predispositions to Conflict-handling Behavior. *Human Relations*, 40 (9): 579-590.
- Shamsul A.B. (2004). *Text and Collective Memories: The Construction of “Chinese” and “Chineseness” from the perspectives of a Malay*. Dalam Leo Suryadinata (Ed.) *Ethnic Relations and Nation Building in Southeast Asia: The Case of the Ethnic Change*. Singapura: ISEAS Publication.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan; Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Swettenham, Frank (1984). *Malay Sketches*. Graham Brash: Singapore.
- Syed Hussein Alatas. (1977). *The Myth of the Lazy Native*. Loncon: Frank Cass.
- Tajfel, H.(1981). *Human Groups and Social Categories: Studies in Social Psychology*. Cambridge: Cambridge University Press
- Thio, Alex. (2003). *Sociology a Brief Introduction*. 5th ed. Boston: Pearson.
- Ting, Chew Peh (1987). *Hubungan Ras dan Etnik*: Suatu Pengantar. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Tunku Abdul Rahman (2007). *13 Mei Sebelum dan Selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Wan Halim Othman (1993). *Panduan Pembinaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Wan Hashim Wan Teh (1983). *Pembentukan Stereotaip Ras Sebagai Akibat Kontak dan Interaksi Antara Ras*. Dalam Kertas Kerja Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa 10 hingga 12 Januari 1983.
- Wan Hashim Wan Teh (1983). *Race relations in Malaysia*. Selangor: Heinemann Educational Books.
- Wan Hashim Wan Teh (2011). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor: Heinemann Educational Books.
- Wilson. P.J. (1967). *A Malay Village and Malaysia: Social Values and Rural Development*. New Haven: HRAF Press.
- Ye, Lin Sheng (2003). *The Chinese Dilemma*. Australia: East West Publishing Pty Ltd.
- Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003). *Pendidikan Negara Bangsa*. Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.